

02 MAY 2001

Umno-konvensyen

KONVENSYEN UMNO SELANGOR MAHU MANTAPKAN PARTI UNTUK HADAPI P/RAYA UMUM

SHAH ALAM, 2 Mei (Bernama) -- Konvensyen Umno Selangor tahun ini diadakan dengan agenda memantapkan parti dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Konvensyen itu, yang diadakan sepanjang satu setengah bulan mulai 5 Mei ini, merangkumi beberapa aktiviti pra-konvensyen sebelum perasmian pada 16 Jun.

"Konvensyen Umno negeri kali ini disifatkan luar biasa kerana kita ingin memberi peluang kepada sebanyak mungkin peserta mengutarakan buah fikiran mereka ke arah memantapkan parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden parti akan merasmikan konvensyen itu yang bertema "Muhasabah Diri Ke Arah Kemantapan Parti Menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-10" pada 16 Jun ini.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo akan menutupnya pada 17 Jun. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menghadiri majlis makan malam yang diadakan sempena konvensyen itu pada 16 Jun.

Muhammad yang juga naib presiden Umno berkata seramai 1,570 peserta akan menyertai konvensyen itu selain beberapa siri bengkel yang diadakan serta sesi peyampaian kertas kerja.

Katanya sebuah jawatankuasa petugas akan dibentuk bagi memantau pelaksanaan resolusi dan rumusan konvensyen itu untuk memastikan matlamat konvensyen dicapai.

"Jawatankuasa ini akan menghalusi dengan teliti segala resolusi dan rumusan yang lahir daripada konvensyen ini sebelum melaksanakan langkah-langkah yang boleh menguatkan perpaduan dan kekuatan parti lagi menghadapi pilihan raya akan datang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen Umno Selangor Datuk Salamon Selamat berkata bagi acara pembuka tirai konvensyen, Mohd Khir akan menyampaikan ucap tamanya pada perasmian bengkel-bengkel konvensyen pada 5 Mei ini di Hotel Bluewave.

Mohd Khir dijangka menggariskan arah tuju Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Umno di dalam merealisasikan Wawasan 2005 Selangor.

Selain anggota Umno, kira-kira 50 peratus daripada peserta konvensyen adalah dari badan bukan kerajaan, ahli akademik, tokoh korporat, profesional, pegawai kerajaan, guru, tokoh belia dan agama, persatuan peladang dan nelayan, persatuan bekas polis dan tentera, persatuan ibu tunggal, seniman dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung.

Mereka juga akan menyertai bengkel politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan latihan dan agama.

-- BERNAMA

KM RIZ NAK